



Tiada mangsa dipindahkan di Sungai Lembing

Oleh [Asrol Awang](#) - Februari 6, 2023 @ 10:41am
bhnews@bh.com.my



Keadaan sebuah rumah di Kampung Gudang Rasau, Kuantan selepas hujan lebat. -Foto NSTP/Asrol Awang

KUANTAN: Hujan lebat sejak semalam, menyebabkan berlaku banjir kilat di sekitar Sungai Lembing dekat sini, termasuk beberapa laluan tidak dapat dilalui kenderaan ringan.

Bagaimanapun, tiada mangsa dipindahkan di kawasan Sungai Lembing setakat jam 9 pagi, hari ini walaupun paras air sungai melepasi paras bahaya iaitu Sungai Lembing dan Sungai Kuantan di Bukit Kenau.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Mohamad Ayub Mat Ashri, berkata air mula naik pada 4.30 pagi.

Katanya, keadaan itu menyebabkan paras air sungai mula naik sebelum melimpah ke kawasan rendah.

"Sehubungan itu, penduduk dinasihati supaya bersiap sedia untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS).

"Ketika ini pasukan penyelamat termasuk polis marin bersiap siaga di Balai Polis Sungai Lembing bagi menghadapi sebarang operasi pemindahan," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuantan Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu, berkata hujan lebat berterusan dalam tempoh 24 jam menyebabkan beberapa kawasan rendah terutama di Sungai Lembing dinaiki air.

"Paras air di Sungai Lembing dan Sungai Kuantan di Bukit Kenau telah mencecah paras bahaya setakat 8 pagi, hari ini.

"Sungai Lembing dan Sungai Kuantan masing-masing mencatatkan 36.47 meter (m) dan 21.59m, iaitu melepasi paras ditetapkan 36m dan 21.50m," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), hari ini mengeluarkan amaran hujan berterusan di beberapa kawasan di Pahang.

MetMalaysia menerusi amaran yang dikeluarkan pada jam 5.50 pagi ini memaklumkan, hujan berterusan tahap bahaya dijangka berlaku di Kuantan manakala hujan berterusan tahap buruk diramal berlaku di Temerloh, Maran, Bera, Pekan dan Rompin di Pahang.

Hujan berterusan tahap waspada pula diramal berlaku di Pahang iaitu di daerah Lipis, Raub, Jerantut dan Bentong.